

# RAVIMED TABLET

Medroxyprogesterone Acetate (5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan RAVIMED TABLET
2. Bagaimana RAVIMED TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan RAVIMED TABLET
4. Cara menggunakan RAVIMED TABLET
5. Semasa menggunakan RAVIMED TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan RAVIMED TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan RAVIMED TABLET

RAVIMED TABLET digunakan untuk merawat keadaan berikut:

- Endometriosis (ketumbuhan tisu di luar rahim yang tidak normal)
- Amenorea sekunder (ketiadaan pendarahan haid selama tiga bulan yang bukan disebabkan kehamilan).
- Pendarahan rahim tidak normal
- Tambahan kepada rawatan hormon estrogen

## Bagaimana RAVIMED TABLET berfungsi

RAVIMED TABLET mengandungi progestogen yang berasal dari progesterone, iaitu sejenis hormon seks semula jadi.

Medroxyprogesterone Acetate membantu untuk menetapkan kitaran haid secara teratur.

## Sebelum menggunakan RAVIMED TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil RAVIMED TABLET jika anda mempunyai alahan terhadap Medroxyprogesterone Acetate atau sebarang bahan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan mengambil RAVIMED TABLET jika anda mempunyai masalah kesihatan seperti berikut melainkan dinasihati sebaliknya oleh doktor anda:

- Masalah pembekuan darah
- Masalah hati
- Pendarahan tidak normal dan tidak teratur daripada faraj
- Ketulan di payudara
- Pendarahan atau lelehan daripada puting
- Tekanan darah sangat tinggi tidak terkawal
- Kencing berdarah
- Keguguran dalam rahim

- Sebelum menggunakan RAVIMED TABLET

Sebelum mengambil RAVIMED TABLET, anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami atau pernah mengalami:

- Masalah jantung
- Masalah buah pinggang
- Migrain
- Epilepsi (sawan)
- Asma
- Kencing manis
- Kemurungan
- Alergi terhadap ubatan lain atau bahan lain seperti pengawet atau pewarna makanan.

## Kehamilan

**RAVIMED TABLET tidak boleh digunakan sebagai ujian kehamilan atau apabila disyaki hamil.**

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil RAVIMED TABLET.

Sebelum menggunakan RAVIMED TABLET adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, yang diperolehi dengan atau tanpa preskripsi doktor.

## Cara menggunakan RAVIMED TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan dengan teliti. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor, atau ahli farmasi untuk mendapatkan bantuan.

## Endometriosis

Untuk endometriosis pengambilan dimulakan pada hari pertama kitaran haid, dos ialah 10 mg, tiga kali sehari untuk 90 hari berturut-turut.

## Rawatan kitaran estrogen

Untuk pengambilan bersama rawatan kitaran estrogen, dos ialah 10 – 20 mg sehari untuk 7 – 10 hari terakhir setiap kitaran terapi.

## Pendarahan rahim tidak normal

Bagi kes pendarahan banyak atau tidak teratur, dos ialah 2.5 hingga 10 mg setiap hari selama 5 – 10 hari bermula pada hari ke 16 – 21 kitaran yang dikira.

### *Amenorea sekunder*

Bagi masalah amenorea (tidak datang haid) bukan disebabkan kehamilan, rawatan bersama RAVIMED TABLET, dos yang disyorkan ialah 5 – 10 mg sehari selama 10 hari, bermula bila-bila masa semasa kitaran haid, atau 2.5 – 10 mg selama 5 – 10 hari bermula pada hari ke 16 – 21 kitaran yang dikira. Rawatan perlu diulang sebanyak tiga kitaran berturut-turut.

#### - Bila perlu digunakan

Ambil RAVIMED TABLET seperti yang disyorkan oleh doktor anda.

#### - Berapa lama untuk digunakan

Teruskan mengambil RAVIMED seperti yang doktor anda syorkan. Jika simptom penyakit tidak hilang, dapatkan nasihat doktor anda.

#### - Jika anda lupa menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya. Ambil dos terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu mengambil ubat itu dan langkau dos yang tidak diambil. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tidak diambil.

#### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Beberapa simptom terlebih dos adalah seperti yang berikut:

- Gementar
- Susah tidur
- Keletihan
- Kemurungan
- Pening
- Sakit kepala

### **Semasa anda menggunakan RAVIMED TABLET**

#### - Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil RAVIMED.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil RAVIMED TABLET.
- Beritahu doktor anda jika anda tiba-tiba diserang sakit kepala, atau penglihatan anda berubah semasa mengambil RAVIMED TABLET.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi and jika anda ingin mula mengambil ubatan lain ketika anda sedang mengambil RAVIMED TABLET
- Jika anda rasa RAVIMED TABLET tidak membantu keadaan anda, beritahu doktor anda.

#### - Perkara yang tidak boleh anda lakukan

- Jangan mengambil RAVIMED TABLET melebihi dos yang disyorkan oleh doktor dan ahli farmasi anda.
- Jangan mengambil ubatan baru tanpa nasihat doktor atau ahli farmasi.
- Jangan beri RAVIMED TABLET anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.
- Jangan mengambil RAVIMED TABLET untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu kereta atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana RAVIMED TABLET memberi kesan kepada anda.

RAVIMED TABLET boleh menyebabkan pening, mengantuk atau keletihan pada sesetengah orang

Sesetengah ujian makmal boleh terjejas oleh penggunaan Medoxyprogesterone Acetate.

### **Kesan-Kesan sampingan**

Seperti semua ubat, RAVIMED TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor. Beritahu doktor anda jika anda melihat mana-mana kesan sampingan berikut atau perhatikan apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Alahan yang serius
- Gementar, kesukaran tidur, mengantuk, keletihan, kemurungan, pening, sakit kepala dan menggeletar.
- Geligata, ruam, jerawat dan berpeluh.
- Loya
- Sakit payudara
- Perubahan lelehan vagina yang tidak normal
- Demam panas, berat badan bertambah

Beritahu doktor anda segera atau pergi ke Jabatan Kemalangan atau Kecemasan di hospital berdekatan anda jika mengalami sebarang simptom strok dan darah beku seperti di bawah:

- Bengkak dan sakit di lengan atau kaki
- urat bengkak atau sakit
- sakit dada atau sesak nafas

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda merasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

### **Cara penyimpanan dan pelupusan RAVIMED TABLET**

#### **- Penyimpanan**

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya. Simpan di tempat yang dingin. Jauhi daripada kanak-kanak.

#### **- Pelupusan**

Ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara pelupusan ubatan yang betul. Langkah ini boleh membantu menjaga alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

7mm, pil berwarna merah muda berbentuk bulat, dengan garisan pembahagi serta tanda 'DUO 861' dan tanda 'duo' pada permukaan yang lain.

#### **- Kandungan ubat**

- Bahan aktif:

- Medroxyprogesterone acetate

- Bahan tidak aktif:

- Aerosil
- Carmoisine
- Cornstarch
- Promigel
- Lactose
- Magnesium stearate
- Quinoline Yellow

- Nombor MAL  
MAL19950156AZ

### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia

### **Tarikh kemaskini RIMUP**

15/05/2020

### **Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)241019/00299